

SINAR HARIAN • SELASA 24 MEI 2022

Sinar NEGERI

N.SEMBILAN • JOHOR • P.PINANG



27

Langkah awal melanjutkan waktu operasi kaunter jabatan terbabit di Johor sehingga jam 10 malam

Oleh SHAFIQ TINO

JOHOR BAHRU

Waktunya operasi bagi semua kaunter Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) di seluruh negeri ini akan dilanjutkan sehingga jam 10 malam setiap hari berkuat kuasa serta-merta bermula Isnin.

Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata, usaha itu merupakan langkah awal diambil bagi menyelesaikan isu kesesakan orang ramai yang perlu beratur panjang untuk menyelesaikan urusan mereka bersama jabatan berkenaan.

Beliau berkata, perkara itu diputuskan selepas mengadakan pertemuan bersama Pengarah



Onn Hafiz (kiri) mengadakan pertemuan dengan Baharuddin pada Isnin.

JIM Negeri Johor, Baharuddin Tahir susulan lawatan kerjanya

ke Pejabat Kementerian Dalam Negeri (KDN) di Setia Tropika

di sini.

"Antara langkah-langkah penyelesaian awal untuk mengelak orang ramai bersesak dan beratur panjang adalah dengan meningkatkan proses mengambil nombor giliran agar ia lebih diper mudahkan.

"Perbincangan dilakukan juga memutuskan untuk memastikan orang awam menerima tempat menunggu yang lebih selesa sekiranya mahu berurusan dengan jabatan ini.

"Selain itu, operasi pejabat imigresen di seluruh Johor juga akan dilanjutkan sehingga jam 10 malam yang mana operasi pada setiap Sabtu sehingga jam 12.30 tengah hari," katanya menerusi laman Facebook miliknya pada Isnin.

Onn Hafiz berkata, kaunter

urusan imigresen di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kota Raya dan UTC Pasir Gudang pula akan beroperasi penuh tujuh hari seminggu.

"UTC Kota Raya dan Pasir Gudang kita dimaklumkan akan beroperasi tujuh hari seminggu iaitu dari jam 8 pagi hingga 10 malam," jelasnya.

Sementara itu, dalam hantaran Facebook yang berasarkan, Onn Hafiz memaklumkan beliau secara sendiri telah melakukan tinjauan di Kompleks KDN Setia Tropika.

Beliau berkata, hasil perhatiannya mendapati kesesakan orang ramai yang menunggu giliran untuk berurusan dengan jabatan berkenaan telah berlaku sejak 1 Mei lalu dan ia perlu ditangani secepat mungkin.